audit plan approved by the Committee. The results of audits are submitted to the Group Board Audit Committee, which meets four times a year. The audit plan and audit reports are also submitted to the Board and the respective Board of Directors of companies within the Group to inform of any weaknesses in the internal controls system. When weaknesses are identified, new procedures are being put in place to strengthen controls. During the financial year, some weaknesses were highlighted, but none has resulted in material loss, contingencies or uncertainties that would require disclosure in the Annual Report.

OTHER KEY ELEMENTS OF INTERNAL CONTROL

Apart from the above, the other key elements/processes that have been established to ensure the adequacy and integrity of the system of internal controls include the following:

- An organisational structure which clearly defines lines of responsibility and accountability aligned to business and operational requirements;
- Clearly defined lines of responsibility and delegation of authority to the Committees of the Board, Management and staff;
- Clearly documented internal policies and procedures manuals. These manuals are reviewed and updated from time to time;
- The Annual Business Plan and Budget are submitted to the Board for approval. In addition, variances between actual and targeted results are reviewed on a monthly basis to allow for timely responses and corrective actions to be taken to mitigate risks;
- Regular reporting to the Board, the Board of Directors of companies within the Group and Board Committees. Reports on the financial position, status of loans and debts purchased, bonds and notes issued and interest rate swap transactions are provided to the Board at least once a quarter. Where necessary, other issues such as legal, accounting and other relevant matters will also be reported to the Board;
- Management has also set up the Management Executive Committee, Asset Liability Committee, IT Steering Committee, Safety & Health Committee and Business Continuity Management Committee to ensure effective management and supervision of the areas under the respective Committees' purview;
- Regular and comprehensive information provided to Management, covering financial and operational reports, at least once a month;
- There are proper guidelines for the hiring and termination of staff, formal training programs for staff, annual performance appraisal and other relevant procedures in place to ensure that staffs are competent and adequately trained in carrying out their responsibilities.

RISK MANAGEMENT

RISK MANAGEMENT STATEMENT

The Cagamas Group protects and creates value for stakeholders through a structured and disciplined approach to align business strategies with policies, processes, people and technology. The Group takes a holistic and enterprise-wide view in managing risk across the subsidiaries with regular evaluation of risks.

Enterprise Risk Management (ERM) Framework

The ERM Framework deals with the risks and opportunities affecting value creation and preservation. To be most effective, the ERM forms part of Cagamas' culture and is embedded into business processes and practices. The Board approved ERM Framework details the responsibility and accountability of the Board of Directors ("the Board" or "BOD"), Board Risk Committee ("BRC"), President/Chief Executive Officer ("President/CEO"), Chief Risk Officer ("CRO"), Management Executive Committee ("MEC"), Asset Liability Committee ("ALCO"), Risk Management Department ("RMD"), Internal Audit Department ("IAD") and Cagamas employees.

The ERM Framework is geared towards achieving Cagamas' objectives, set forth in four categories:

- Strategic – high-level goals, aligned with and supporting its mission
- Operations – effective and efficient use of its resources
- Financial – profitability and sustainability of performance
- Reporting & Compliance – reliability of reporting and compliance with applicable laws and regulations

In line with the ERM, three lines of defence in managing risks is adopted within the Group. Business units being the first line of defence have the primary responsibility of identifying, mitigating and managing risks within their lines of business. They also ensure that their day-to-day activities are carried out within established risk policies, procedures and limits.

An independent RMD plays the role of second line of defence by providing specialised resources to proactively manage risks. This includes the assessing of risk exposures and the coordination of risk management on an enterprise-wide basis. RMD is also responsible for ensuring that risk policies are implemented accordingly.

The IAD being the third line of defence is responsible for independently reviewing the adequacy and effectiveness of risk management processes, system of internal controls and compliance with risk policies.

Risk Governance Structure

The Board sets the overall strategic direction for Cagamas. It provides ultimate oversight to ensure that Management has set-up appropriate risk management system to manage risks associated with the Company's operations and activities. The Board sets the risk appetite and tolerance level that are consistent with the Company's overall business objectives and desired risk profile. The BOD also reviews and approves all significant risk management policies and risk exposures.

The BRC assists the Board of Directors by ensuring that there is effective oversight and development of strategies, policies and infrastructure to manage the Company's risks. The BRC is supported by management committee addressing one or more of the key risk identified.

The MEC and ALCO which comprises of senior management of the Group are chaired by the President/CEO undertakes the oversight function for capital allocation and overall risk limits, aligning them to the risk appetite sets by the Board. Management is responsible for the implementation of the policies laid down by the Board by ensuring that there are adequate and effective operational procedures, internal controls and systems.

The RMD is independent of other departments involved in risk-taking activities. It is responsible for identifying, measuring, analyzing, controlling, monitoring and reporting of risk exposures independently and coordinating the management of risks on an enterprise-wide basis.

Strategic Risk Management

Strategic risk within the Group is the risk of not achieving its corporate strategy goals which reflects the Group's vision. This may be caused by internal factors such as performance planning, execution and monitoring, and external factors such as market environment.

Strategic risk management is addressed by the Board's involvement in the setting of Group strategic goals. The Board is regularly updated on matters affecting corporate strategy implementation and corporate transactions.

Credit Risk Management

Credit risk is defined as the potential for financial loss resulting from the failure of a borrower or counterparty to fulfill its financial or contractual obligations. Credit risk within the Group arises from Purchase with Recourse (PWR) and Purchase without Recourse (PWOR) business, mortgage guarantee programme, investments and treasury hedging activities.

Risk Management

The primary objective of credit risk management is to proactively manage risk and credit limits to ensure that all exposures to credit risk are kept within parameters approved by the Board to withstand potential losses. Investment activities are guided by internal credit policies and guidelines that are approved by the Board. Specific procedures for managing credit risks are determined at business levels based on risk environment and business goals.

Market and Liquidity Risk Management

Market risk is defined as the potential loss arising from movements of market prices and rates. Within the Group, market risk exposure is limited to interest rate risk only as the Group does not engage in any equity, foreign exchange or commodity trading activities. Liquidity risk arises when the Group does not have sufficient funds to meet its financial obligations when they fall due.

The Group manages market risk by imposing threshold limits which are approved by management within the parameters approved by the Board based on a risk-return relationship while liquidity risk is managed by ensuring that the timing of all receipts matches that of its liabilities. The Group plans its cash flow and monitors closely every business transaction to ensure that available funds are sufficient to meet business requirements at all times. Reserve liquidity which comprises of marketable debt securities are also set aside to meet any unexpected shortfall in cash flow or adverse economic conditions in the financial market.

Operational Risk Management

Operational risk is the potential loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events. Each business/support unit undertakes self-assessment of the risk and control environment to identify, assess and manage its operational risks. The Group has established comprehensive internal controls, systems and procedures that are subject to regular review by both internal and external auditors. Business Continuity Plans are in place to minimize unexpected disruption and reduce time to restore operations.

Reputational Risk

The Group's reputation and image as perceived by clients, investors, regulators and the general public is of utmost importance to the continued growth and success of the Group's businesses and operations. Invariably, reputational risk is dependent on the nature/model of business, selection of clients and counterparties and reliability and effectiveness of business processes.

Stringent screening of potential clients and design of business in accordance with high standards and regulatory compliance are incorporated to safeguard the Group's business reputation and image. In view of the importance of preserving the reputation of the Group, greater efforts were made towards creating awareness about risk events that could impact the company's reputation as part of the material risk management.

Implementation of Basel II and Basel III

In 2012, Cagamas continued to strengthen its risk management processes and controls such as in relation to Basel II and Basel III including assessment of risk return to enable risk to be priced in appropriately.

The Company has successfully implemented the Basel II Pillar 1 Risk Weighted Capital Adequacy Framework for more risk sensitive capital computation in line with industry best practices. For credit risk, the Company has adopted the Internal Rating Based (IRB) approach for the PWOR portfolio and standardised approach for the PWR portfolio and investments. For operational risk, the Company has adopted the Basic Indicator Approach (BIA).

For Basel II Pillar 2, the Company's Internal Capital Adequacy Assessment Process ("ICAAP") closely integrates the risk and capital assessment processes in line with Bank Negara Malaysia's ("BNM") guideline. The Company is finalising the key building blocks for the ICAAP implementation which ensures that all material risks faced by Cagamas are identified, measured and reported, and adequate capital levels, including buffers, are held to support the current and projected demand for capital under existing and stressed conditions consistent with the risk profile. The ICAAP is anticipated to be a major catalyst for further enhancement of risk management as well as capital management processes in future.

BNM has issued a paper in support of the Basel Committee on Banking Supervision's measures, referred to as Basel III, to strengthen global capital and liquidity rules. The Basel III implementation timeline provides for a gradual phase-in of the standards beginning from 2013 to 2019. Based on our internal assessment conducted, the Company's existing position complies with the Basel III more prudent requirements. This includes capital levels and both the liquidity coverage ratio ("LCR") and net stable funding ratio ("NSFR").

PENYATA PENGERUSI



Dato' Ooi Sang Kuang

Pengerusi

Bagi pihak Lembaga Pengarah (Lembaga), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) dan Penyata Kewangan Kumpulan Cagamas (Kumpulan) yang telah disatukan dan diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Penyata Pengerusi

PENGENALAN

Pada sebahagian besar tahun 2012, pasaran kewangan global telah ditandakan oleh tempoh-tempoh ketidakpastian dan ketidaktentuan ekoran perkembangan krisis hutang kedaulatan di zon euro, ketakutan terhadap kejatuhan ekonomi secara mendadak di China dan impak kebuntuan fiskal di Amerika Syarikat (AS). Perkembangan ini mengenakan pengaruh yang kuat bagi melembapkan ekonomi global.

Suatu cabaran tambahan bagi sektor kewangan untuk tahun ini, adalah peningkatan keperluan pengawalseliaan yang diperkenalkan oleh pihak berkuasa Pengawalseliaan dan Kewangan di seluruh dunia.

Walaupun keadaan persekitaran luaran yang menyukarkan, ekonomi Malaysia terus berkembang dalam tahun 2012 dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6%, didorong oleh permintaan domestik yang mampan. Industri perkhidmatan kewangan Malaysia mempamerkan kekuatan dan daya tahan. Perkembangan pinjaman dalam sektor perbankan meningkat pada kadar yang menggalakan dalam tahun 2012, sementara nisbah modal wajar risiko (Risk-Weighted Capital Ratio, RWCR) industri perbankan teguh pada 15.2% pada akhir tahun 2012. Persaingan dalam sektor kekal sengit dan margin faedah diperketat lagi. Oleh itu, insentif penjualan aset kepada Cagamas berkurangan. Walau bagaimanapun, dengan langkah pengawalseliaan yang lebih ketat ke atas pengurusan modal dan risiko, permintaan terhadap penyelesaian risiko lindung nilai oleh institusi kewangan kekal tinggi, khususnya, oleh institusi kewangan Islam.

Biarpun persekitaran operasi yang mencabar, Cagamas Berhad (Cagamas) telah mencatatkan pembelian pinjaman dan pembiayaan lebih besar berjumlah RM3.22 bilion berbanding RM2.90 bilion pada tahun 2011. Pertumbuhan sebanyak 11% didorong terutamanya oleh pembelian aset Islam sebanyak RM3.05 bilion. Sepanjang tahun, Pembelian dengan Rekursa Kumpulan ini (PWR) berkembang sebanyak 12.9% kepada RM3.07 bilion sementara Pembelian tanpa Rekursa Kumpulan ini (PWOR) dalam tahun 2012 adalah lembap pada RM150.2 juta.

SOROTAN UTAMA

Tahun 2012 juga telah menyaksikan Kumpulan ini membuat kemajuan selanjutnya dalam mempromosikan pemilikan kediaman dan menyumbang kepada penambahan keluasan dan kedalaman pasaran kewangan Islam. Perluasan capaian pasaran bagi PWR telah dilaksanakan melalui pengenalan mekanisme pembelian baru patuh Syariah, Bai al-Dayn al-Sila'ii, yang membentuk sebahagian besar pembelian baru sebanyak RM2.95 bilion. Keperluan untuk melindungi nilai risiko kadar untung ke atas aset Islam oleh institusi kewangan Islam adalah tinggi, dan merupakan faktor utama yang mendorong pertumbuhan PWR Kumpulan ini.

Tahun ini juga menyaksikan Cagamas menambah suatu instrumen baru patuh Syariah. Pada Mac 2012, Cagamas menerbitkan Sukuk Wakalah Bil Istithmar (Sukuk Wakalah) pertama sebanyak RM500 juta. Terbitan permulaan dan seterusnya semuanya telah terlebih langgan. Setakat Disember 2012, terbitan Sukuk Wakalah pelbagai tempoh berjumlah RM1.75 bilion. Pembelian belum terima Islam meningkatkan bahagian aset perbankan Islam kepada 51.2% daripada jumlah aset Cagamas. Terbitan Sukuk oleh Cagamas berjumlah RM4.04 bilion dalam tahun 2012, mengukuhkan lagi kedudukan Cagamas sebagai penerbit utama dalam pasaran modal Islam.

Jumlah terbitan sekuriti hutang sebanyak RM4.9 bilion bagi 2012 mewakili pertumbuhan 75% daripada 2011 dan memperteguhkan lagi kedudukan Cagamas sebagai penerbit sekuriti hutang korporat terbesar di Malaysia. Pada akhir 2012, sekuriti hutang Cagamas merangkumi 8% daripada keseluruhan kesemua sekuriti hutang AAA yang belum ditebus di Malaysia. Kesemua sekuriti hutang Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA dan P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/AAA_{ID} dan MARC-1/MARC-1_{ID} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad.

Anak syarikat milik penuh, Cagamas SRP Berhad (CSR), memberikan sokongan selanjutnya kepada Skim Rumah Pertamaku (SRP) berikutan panambah baikan skim oleh Kerajaan. Pada tahun 2012, CSR telah memberi jaminan sejumlah 341 pinjaman perumahan sejak dilancarkan pada 2011.

Tahun 2012 juga menandakan satu pencapaian penting bagi Cagamas apabila ia meraikan ulang tahunnya yang ke-25. Kumpulan ini berbangga kerana telah memainkan peranan penting sejak 25 tahun yang lalu dalam memudahkan pemilihan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Dari pembelian awal pinjaman perumahan konvensional sebanyak RM100 juta pada 1987, menjelang 2012, Cagamas telah secara kumulatif membiayai semula pinjaman perumahan dalam pasaran sekunder bersamaan dengan RM104 bilion atau 1.7 juta buah rumah.

Semenjak itu, Cagamas telah menjadi penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif dan berterusan lantas menyumbang kepada pembangunan pesat bagi pasaran hutang korporat di Malaysia. Hari ini, Cagamas telah memantapkan dirinya sebagai penerbit instrumen hutang swasta yang terbesar dan utama di Malaysia. Sejak penubuhannya, Cagamas telah memperkenalkan pelbagai jenis instrumen pasaran modal baru. Peranan perintis Cagamas termasuk pengenalan buat pertama kalinya bagi Malaysia Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman sebanyak RM1.555 bilion dan Penssekuritan Sintetik Pinjaman PKS yang pertama di rantau ASEAN, Pembiayaan Perumahan Islam Bersandarkan Sukuk Musyarakah yang mendapat

Penyata Pengerusi

penarafan pertama di dunia sebanyak RM2.05 bilion, dan penerimaan di peringkat global yang pertama untuk Sukuk al-Amanah Li al-Istithmar (Sukuk ALIm) sebanyak RM1 bilion yang julung kalinya diterima di peringkat global. Cagamas berjaya merangkul sejumlah 24 anugerah semenjak tahun-tahun yang lalu termasuk “Best Local Currency Bond Deal of the Year (2004)”, “Malaysia Capital Markets Deal of the Year (2007)”, “Asian Deal of the Year (2007)”, “Most Innovative Deal of the Year (2009)”, “Islamic Issuer of the Year (2010)”, “Country Deal of the Year (2010)”, “Best Islamic Deal of the Year (2011)”, “Islamic Deal of the Year (2011)” dan “Sukuk Issuer of the Year (2011)”.

Sepanjang 25 tahun yang lalu, sistem kewangan Malaysia telah menjadi lebih kukuh dan matang. Institusi-institusi kewangan di Malaysia dipermodalkan mampan dengan ditambah baik keupayaan untuk pengurusan risiko. Oleh itu, kurang keperluan rekursu kepada Cagamas untuk penyelesaian risiko tradisional bagi melindungi nilai kadar faedah dan ketidakpadanan kematangan atau untuk meringankan kunci kira-kira mereka. Sepanjang tahun, Lembaga melaksanakan kajian dan penilaian semula secara holistik mandat Cagamas yang sedia dan peranan perkembangannya dalam pasaran kewangan untuk merangka hala tuju masa depan sejajar dengan Rangka Kerja Sektor Kewangan 2011 dan Pelan Induk Pasaran Modal 2. Kajian semula itu tepat pada masanya kerana Cagamas telah memantapkan dirinya sebagai sebahagian integral prasarana kewangan Malaysia dan terus berusaha untuk memperkukuhkan asasnya untuk masa depan yang mapan dan menjadi pemain aktif dalam pembangunan ekonomi, kewangan dan pembangunan sosial Malaysia. Cagamas berharap untuk melaraskan dan meluaskan mandatnya yang merangkumi mengembangkan penawaran produk dan asas kliennya termasuk meneroka peluang merentas sempadan di luar Malaysia.

Untuk menandakan ulang tahunnya yang ke-25, Syarikat telah mentauliahkan suatu penerbitan bertajuk ‘Housing the Nation: Policies, Issues & Prospects’, bertujuan untuk memberi wawasan dan tinjauan keseluruhan yang komprehensif kepada industri perumahan dan kewangan, ahli akademik dan orang awam, ke dalam isu-isu semasa, masalah dan cabaran, hala tuju masa depannya, dan jalan ke hadapan untuk menyediakan kediaman kepada penduduk di Malaysia.

PRESTASI KEWANGAN

Untuk tahun kewangan berakhir 2012, saya berbangga melaporkan bahawa Kumpulan ini telah mengekalkan rekod prestasi keuntungannya yang belum terjejas sejak penubuhan. Kedudukan kewangan Kumpulan ini merangkumi anak syarikat yang terdiri daripada Cagamas Berhad (Cagamas), Cagamas MBS Berhad (CMBS), Cagamas SRP Berhad (CSR) dan Cagamas MGP Berhad (dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad) terus mengukuh sepanjang tahun.

Walaupun mencatatkan untung sebelum cukai yang lebih rendah pada RM551.9 juta, kedudukan modal Kumpulan ini kekal kukuh dan kuat dipermodalkan dengan modal teras dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) berada pada ketinggian 35.6% dan 36.4% masing-masing pada akhir tahun 2012. Jumlah dana pemegang syer bagi Kumpulan ini, pada akhir tahun 2012, meningkat kepada RM4.3 bilion sementara aset ketara bersih sesyer adalah lebih tinggi pada RM28.35 berbanding RM25.86 dalam tahun sebelumnya.

Pada peringkat anak syarikat, anak syarikat milik penuh dan entiti utama yang beroperasi, Cagamas, mencatatkan untung sebelum cukai yang rendah sedikit sebanyak RM293 juta, akibat pembelian yang lebih rendah untuk PWOR dan penurunan beransur-ansur pada aset gadai janji, yang diimbangi sebahagiannya oleh pembelian yang lebih tinggi untuk aset PWR, pendapatan perbendaharaan yang lebih tinggi dan masuk-kira semula peruntukan kerugian pinjaman pada tahun ini. Pendapatan sesyer pada peringkat Cagamas adalah 146 sen dalam tahun 2012 berbanding dengan 151 sen dalam tahun 2011. Jumlah dana pemegang syer untuk Cagamas tumbuh sebanyak 5.9% kepada RM2.2 bilion pada akhir 2012. Aset ketara bersih sesyer adalah lebih tinggi pada RM14.77. RWCR Cagamas adalah kuat pada 24.4%.

Sepanjang tahun kewangan ini, kenderaan tujuan khas CMBS, menyumbang untung sebelum cukai sebanyak RM253.4 juta kepada prestasi Kumpulan ini, kemerosotan sebanyak 10.4% disebabkan oleh penurunan aset secara beransur-ansur. Pada akhir 2012, jumlah bon CMBS yang belum ditebus merosot kepada RM6.03 bilion daripada RM10.2 bilion pada waktu terbitan. Baki kelompok gadai janji yang disekuritkan dan bon CMBS dijangka matang pada 2027.

DIVIDEN

Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-25, Syarikat mengisytiharkan dividen khas sebanyak 25 sen sesyer ditolak cukai pendapatan kepada para pemegang syer; selain daripada dividen interim sebanyak 15 sen sesyer ditolak cukai pendapatan kepada para pemegang syer pada 2012.

INISIATIF DALAM TAHUN 2012

Kumpulan ini telah mengembangkan program Pengurusan Risiko Perusahaan (Enterprise Risk Management, ERM) dengan memperkenalkan rangka kerja pengurusan risiko seluruh perusahaan yang lebih berkesan, mantap dan menyeluruh. Matriks harga berasaskan risiko PWR telah diperhalusi untuk mencerminkan dengan lebih baik pendedahan Kumpulan ini kepada risiko rakan niaga dengan perbezaan harga berdasarkan jenis penarafan, jenis rakan niaga, aset yang dibeli dan tempoh. Kemajuan yang mantap telah dicapai dalam melaksanakan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko Basel II. Pillar 2, Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman, sedang dimuktamadkan dan pelaksanaan Basel II Pillar 3 (Keperluan Pendedahan) akan bermula pada tahun 2013.

Penyata Pengerusi

Dalam bidang pembangunan modal insan, inisiatif utama dilaksanakan dalam tahun 2012 termasuk kajian semula dan pelaksanaan yang lengkap dan komprehensif tentang suatu sistem pampasan pekerja yang berdaya saing dan mencerminkan skop kerja dan tanggungjawab, penyusunan kembali terma pekerjaan Kumpulan ini. Satu lagi inisiatif utama adalah pelancaran program pembelajaran dan kepimpinan untuk memaksimumkan potensi modal insan kami sambil mendorong penglibatan mampan pekerja.

Dalam bidang pembangunan korporat, Cagamas pada Disember 2012, memperoleh daripada rakan usaha samanya, Hong Kong Mortgage Corporation Limited, 50% bahagiannya dalam Cagamas HKMC Berhad (CHKMC).

Dengan penyempurnaan proses pengambilalihan, CHKMC sekarang adalah anak syarikat milik penuh Syarikat ini dan dinamakan semula Cagamas MGP Berhad. Pengambilalihan ini akan memberi lebih kelonggaran untuk Kumpulan ini dalam menjalankan perniagaan Jaminan Gadai Janjinya.

Kumpulan ini telah membuat beberapa sumbangan kepada tujuan kebajikan sejajar dengan aspirasi dan semangat dasar Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR). Dalam tahun 2012, sejumlah RM122,000 telah disumbangkan kepada pelbagai kebajikan. Skop aktiviti CSR telah diperluaskan dalam tahun 2012 untuk merangkumi Sabah dan Sarawak. Tahun ini juga menyaksikan pelancaran inisiatif Zakat Korporat boleh Agih (Corporate Zakat Distributable, CZD) di mana Syarikat menjalankan pengagihan caruman zakat bagi pihak Pusat Pungutan Zakat kepada penerima yang layak.

TINJAUAN

Keadaan pasaran kewangan global telah menunjukkan tanda-tanda kestabilan yang lebih baik sementara petunjuk kadar pertumbuhan global yang lebih kukuh telah muncul pada tahun 2013. Ekonomi AS telah mempamerkan keadaan pemulihan ekonominya yang lebih luas. China telah berjaya meringankan kejatuhan dan prospek pertumbuhan dalam ekonomi Asia dijangka akan kekal memberangsangkan. Krisis hutang di kawasan zon euro semakin berganjak jauh daripada zon krisis. Walau bagaimanapun, risiko kekal pada tahap tinggi berkaitan kadar pemulihan yang mampan di AS, cabaran daripada pelarasan fiskal pelbagai-tahun di zon euro dan penyelesaian cenuram fiskal (fiscal cliff) di AS.

Walaupun tinjauan ekonomi global bertambah baik, pemulihan dijangka lembap. Namun, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang baik sekitar 5% pada tahun 2013. Keadaan kewangan dan pengantaraan kewangan yang lebih mendalam di Malaysia akan terus memberi peluang kepada Cagamas untuk menawarkan penyelesaian risiko dan pengurusan modalnya kepada institusi-institusi kewangan.

Manakala Kumpulan ini akan terus tertumpu kepada mandat kami dalam menggalakkan pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia dengan menyediakan pembiayaan jangka panjang yang berdaya saing untuk institusi kewangan membiayai pinjaman perumahan, Kumpulan ini akan terus memainkan peranan yang aktif dalam menggalakkan pasaran bon yang lebih mendalam dan menyokong kedudukan utama Malaysia sebagai hab kewangan Islam global. Pembiayaan Islam akan terus menjadi pendorong pertumbuhan utama bagi Kumpulan ini. Di luar peluang untuk mengembangkan penyelesaian pengurusan modal dan risiko bagi melengkapkan kecairan semasa dan kemudahan lindung nilai wujud, Cagamas akan menerajui dan meneroka pembiayaan yang berdaya saing dan lebih bermakna. Ini termasuk usaha untuk memperluas dan mendalamkan penawaran produk kami dan mengembangkan asas pelanggan kami di rantau Asia.

Secara dalaman, Cagamas akan membangunkan keupayaan baru dalam jangkaan mandat yang lebih besar menjangkau perumahan sambil memperkukuhkan budaya pengurusan risikonya yang kuat. Cagamas akan bertindak secara aktif dalam menjajarkan dan mempertingkatkan sumber kami dengan kecekapan yang lebih tinggi; termasuk menyediakan alat-alat untuk Cagamas menjalankan perniagaan baru dan beroperasi di luar Malaysia. Saya yakin bahawa Cagamas akan bersedia untuk tugas yang akan datang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin menyatakan penghargaan kami kepada para pemegang syer atas keyakinan teguh dan sokongan mereka sepanjang tahun yang ditinjau. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kami kepada pihak berkuasa kawalselia yang relevan, khususnya Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atas bimbingan dan kerjasama mereka yang berterusan.

Akhir sekali, Lembaga ingin menyatakan penghargaan mendalam kepada Pengurusan dan kakitangan Kumpulan Cagamas atas komitmen dan dedikasi mereka yang tidak kenal penat lelah sepanjang tahun.



Dato' Ooi Sang Kuang
Pengerusi

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) adalah komited untuk memastikan Syarikat dan Kumpulan ini secara keseluruhannya, mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan dilaksanakan dengan penuh intergriti dan profesionalisme untuk melindungi dan meningkatkan nilai para pemegang syer dan prestasi kewangan Kumpulan ini.

Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah menyokong penuh prinsip Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia 2012 (Kod) dan akan berusaha untuk mengamalkan Kod ini untuk memastikan bahawa piawaian tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Syarikat dan Kumpulan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 7 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada Pegawai Kanan Bank Negara Malaysia, Ketua-ketua Eksekutif dan Pegawai-pegawai Kanan institusi kewangan serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

Berdasarkan pada penerangan umum Kod berkenaan, para Pengarah Cagamas Holdings dianggap bebas kerana mereka bebas daripada pengurusan dan tidak turut serta di dalam urusan harian perniagaan Syarikat ataupun perhubungan lain yang boleh mengganggu pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan Syarikat tidak mempunyai sebarang pemegang syer yang menonjol seperti yang dinyatakan di bawah Kod. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Para Pengarah memiliki pengalaman yang meluas dan mendalam dalam produk-produk kewangan, pasaran modal dan penyeliaan institusi kewangan. Para Pengarah membawa bersama mereka kemahiran dan pengetahuan yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, pengurusan risiko dan teknologi maklumat. Pengerusi mengetuai perbincangan mengenai strategi-strategi, dasar-dasar dan pengendalian perniagaan secara keseluruhan bagi Kumpulan ini semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad, entiti operasi utama di dalam Kumpulan ini, bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan-urusan harian perniagaan Kumpulan ini.

Tugas dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dan berusaha mengelakkan sebarang situasi konflik kepentingan yang timbul daripada urus niaga yang mungkin menimbulkan persoalan atau kecurigaan ke atas keutuhan keputusan yang dibuat. Lembaga Pengarah ditabdirkan oleh Terma Rujukan (TOR) seperti di bawah:

- 1) Menetapkan, mengkaji dan meluluskan visi, halatuju, rancangan strategik dan perniagaan Kumpulan ini;
- 2) Menyelia pelaksanaan dan memastikan pengurusan sesuai bagi Syarikat dan Syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan ini. Ini juga termasuk dasar-dasar, perniagaan dan operasi kewangan Kumpulan ini, termasuk akaun disatukan dan belanjawan tahunan;
- 3) Memastikan bahawa sistem yang bersesuaian disediakan untuk mengenalpasti risiko utama Kumpulan ini dan pelaksanaan sistem untuk menguruskan risiko-risiko berkenaan;
- 4) Memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman serta sistem maklumat pengurusan Kumpulan ini, termasuk sistem untuk pematuhan dengan undang-undang, syarat-syarat, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkaitan;
- 5) Membangun dan melaksanakan Dasar Komunikasi Para Pemegang Syer dan Pelabur;
- 6) Mengkaji dan mencadangkan nisbah pembayaran dividen; dan
- 7) Mengkaji dan meluluskan apa-apa perkara lain yang dianggap sesuai oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi Kumpulan ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan dan bajet tahunan Kumpulan ini. Petunjuk Prestasi Utama tahunan dan jangka sederhana bagi Ketua Pegawai

Penyata Urus Tadbir Korporat

Eksekutif dan Pengurusan Kanan Syarikat ini dibincang dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Kemaskini berkenaan operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau pengesahan. Lembaga Pengarah digalakkan untuk mengajukan resolusi substantif untuk diundi pada mesyuarat agung.

Urusan penyeliaan pengurusan risiko di dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses dalaman yang kritikal dan sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudian akan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan yang diambil berkaitan untuk penilaian risiko dan perkara-perkara risiko yang berkaitan. BRC disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) Cagamas Berhad yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian risiko dan penilaian terhadap operasi Cagamas Berhad dan subsidiari Syarikat yang lain. Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian risiko kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiari masing-masing.

Setiausaha Syarikat

Para Pengarah mempunyai akses tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Lembaga Pengarah sering dikemaskini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat yang berpengalaman dan berpengetahuan, mengenai undang-undang baru dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia, serta implikasi kepada Syarikat ini dan para Pengarah berhubung dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan rekod prosiding yang tepat dan betul serta resolusi yang diluluskan diambil dan dikekalkan dalam pendaftaran berkanun di pejabat pendaftaran Syarikat. Setiausaha Syarikat memudahkan komunikasi yang tepat pada masanya, keputusan yang dibuat serta dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah, kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan. Setiausaha Syarikat juga memastikan aliran maklumat yang baik dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta Pengurusan Kanan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan, isu-isu strategik lain yang memberi kesan kepada perniagaan Syarikat dan isu-isu berkaitan anak-anak Syarikat ini, iaitu Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SME Berhad, Cagamas SRP Berhad dan Cagamas MGP Berhad (dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad).

Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberi maklumat kemaskini tentang profil risiko dan perkembangan korporat dihantar kepada Para Pengarah terlebih dahulu pada setiap mesyuarat.

Dalam melaksanakan tugas mereka, Ahli Lembaga Pengarah berhak untuk mendapat nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat ini, pada dan ketika keadaan yang diperlukan. Kesemua para Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada Pengurusan Kanan Cagamas Berhad, dan khidmat Setiausaha Syarikat, yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa tatacara Lembaga Pengarah diikuti dan kesemua syarat dan peraturan yang berkaitan dengannya dipatuhi sepenuhnya.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Para Pengarah dicalonkan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan para pemegang syer. Pencalonan ini disemak oleh Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah Kumpulan dimana kemudian mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Menurut Artikel Pertubuhan (Artikel) Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Syarikat ini dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Artikel ini juga menyatakan bahawa para Pengarah dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada AGM yang akan datang.

Latihan Pengarah

Sebilangan Para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan akreditasi mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama. Sebilangan para Pengarah telah turut menghadiri program Financial Institutions Directors' Education (FIDE) dan The 3rd Annual Singapore Covered Bond Conference 2012. Rancangan latihan untuk 2013 juga telah diperkembangkan berdasarkan kepada set kemahiran para Pengarah. Walaubagaimanapun, para Pengarah akan sentiasa dimaklumkan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Ganjaran Pengarah

Secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah menilai dan mengkaji ganjaran para Pengarah berdasarkan kepada peranan dalam Lembaga Pengarah secara berkala. Yuran para Pengarah diluluskan oleh para pemegang syer pada AGM. Jumlah ganjaran akan dibayar kepada semua para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 ialah sebanyak RM548,500 merangkumi yuran para Pengarah sebanyak RM365,000 dan elaun mesyurat sebanyak RM183,500.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan ini (GBAC) dan Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah Kumpulan ini (GBNC), beroperasi mengikut TOR yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. TOR GBAC dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan ini pada mukasurat 60 hingga 62 di dalam Laporan Tahunan ini. TOR GBNC adalah seperti berikut:

- 1) Mencadangkan calon-calon untuk jawatan pengarah kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad dan menilai para Pengarah yang sedia ada.
 - 2) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon Pengarah untuk mengisi kekosongan dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.
 - 3) Mempertimbangkan semasa memberi cadangan, calon-calon untuk jawatan Pengarah yang dicadangkan oleh Lembaga Pengarah dan para pemegang syer.
 - 4) Menilai setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan menilai sumbangan setiap Pengarah secara individu.
 - 5) Mewujudkan mekanisme yang perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk penilaian rasmi tentang keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah di dalam Kumpulan ini.
 - 6) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan semula wakil-wakil para pemegang syer dari institusi-institusi kewangan kepada Lembaga Pengarah yang akan bersara mengikut giliran.
 - 7) Tanggungjawab lain yang mungkin diwakilkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.
- Proses pencalonan dan pemilihan ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:
- 1) Untuk menentukan gabungan kemahiran atau kecekapan yang diperlukan untuk mengarah dan mengurus perniagaan Kumpulan ini dengan mengambilkira Rancangan Perniagaan dan Strategi Kumpulan ini termasuk perniagaan teras untuk mencapai rancangan;
 - 2) Menentukan saiz dan komposisi Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk penyertaan Bukan Eksekutif dan Bebas;
 - 3) Menentukan jika terdapat kekosongan yang perlu diisi termasuk calon-calon yang disyorkan oleh para pemegang syer dan kesesuaian berdasarkan kepada kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh setiap calon bagi memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan yang dikenalpasti untuk peranan dalam apa-apa jawatankuasa termasuk merangka kriteria berhubung dengan pengalaman, kelayakan peribadi, umur, isu konflik kepentingan dan komitmen pada masa.
 - 4) Nama calon yang berpotensi boleh dirujuk oleh Ahli Lembaga Pengarah atau para pemegang syer;
 - 5) Calon-calon yang berpotensi akan dihubungi (dalam susunan keutamaan) untuk menentukan minat untuk dipertimbangkan untuk berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah;
 - 6) Pihak Pengurusan akan membuat rujukan bagi memeriksa calon yang dicadangkan seperti latar belakang, kelayakan dan pengalaman;
 - 7) Semakan latar belakang yang bersesuaian (termasuk borang yang ditetapkan yang telah diisi oleh calon) akan dibuat sekiranya calon menerima jemputan;
 - 8) Cadangan pelantikan akan dibentangkan kepada GBNC untuk pertimbangan;
 - 9) Selepas penilaian, cadangan GBNC akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pelantikan tersebut akan berkuatkuasa selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pematuhan dengan keperluan berkanun Akta Syarikat 1965 oleh calon yang dicadangkan;

Penyata Urus Tadbir Korporat

- 10) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif akan mengemukakan Pakej Pengenalan kepada Pengarah yang baru dilantik termasuk maklumat mengenai kewajipan utama Pengarah (TOR Lembaga Pengarah) dan kewajipan Jawatankuasa berkaitan (TOR Jawatankuasa), Struktur Korporat Kumpulan ini dan senarai para Pengarah Kumpulan ini, Laporan Tahunan terkini, mesyuarat yang dijadualkan sepanjang tahun dan kod. Jabatan Sekretariat & Komunikasi Korporat akan mengaturkan taklimat mengenai Kumpulan ini kepada Pengarah baru yang dilantik sebagai sebahagian daripada proses induksi.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah kekal di anak syarikat milik penuh, Cagamas Berhad.

Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pelabur. Syarikat ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Pada AGM tersebut, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, anak syarikat milik penuh Syarikat, mengendalikan sebuah laman sesawang beralamat www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadaran, dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Matlamat Lembaga Pengarah ialah untuk membentangkan penaksiran yang seimbang tentang kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur. Menurut Akta Syarikat 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat ini. Selepas berbincang dengan juruaudit luar, para Pengarah menentukan dan mengisytiharkan bahawa semasa menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini telah menggunakan dasar perakaunan yang wajar diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 63 di dalam Laporan Tahunan ini.

Hubungan Dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 60 hingga 62 di dalam Laporan Tahunan ini. Menerusi GBAC, Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan juruaudit dalaman Kumpulan ini dan juga juruaudit luar Syarikat ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, juruaudit luar Syarikat ini telah menghadiri dua (2) mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, dan mesyuarat kedua adalah untuk membentangkan rancangan dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 231 di dalam Laporan Tahunan ini.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

1. KEAHLIAN

Bagi tahun 2012, Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan ini terdiri daripada:

Datuk George Ratilal (Pengerusi)
Dato' Charon Wardini Mokhzani
Encik Cheah Tek Kuang

Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Pengarah bebas bukan eksekutif berdasarkan tafsiran umum Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak Pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah berpeluang memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalam. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk George Ratilal	4/4
Dato' Charon Wardini Mokhzani	3/4
Encik Cheah Tek Kuang	3/4

Juruaudit Luar Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan membentangkan pelan audit dan skop kerja kumpulan untuk tahun 2012.

3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Bidang Kuasa

(a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalam dan Luar, dan pihak pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.

(b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli professional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.

(c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

Saiz dan Komposisi

(a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.

(b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

(c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah bebas dari kalangan mereka sendiri.

(d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:

- (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
- (ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:

- beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
- beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau

- (iii) beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau

- (iv) beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat Korporat atau mempunyai fungsi yang memberi tanggungjawab utama untuk mengurus hal ehwal kewangan sebuah Syarikat Korporat.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

- (e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang berkecuali ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa ini boleh menjemput sesiapa pun untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.
- (b) Pada kebiasaannya Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Naib-Naib Presiden Kanan Perniagaan Islam, Perniagaan Teras dan Operasi, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Juruaudit Dalaman akan menghadiri kesemua mesyuarat yang diadakan.
- (c) Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.
- (d) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (e) Ketua Juruaudit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menghilangkan keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
 - Perubahan dan penyelarasan ketara dalam pembentangan penyata kewangan;
 - Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
 - Perubahan ketara dalam skop audit; dan
 - Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:
- Pematuhan piawai audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;

- Kecukupan dasar dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
 - Penyelarasan antara Juruaudit Dalaman dan Luar;
 - Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalaman;
 - Sekatan yang dikenakan oleh pihak pengurusan terhadap tugas Audit Dalaman;
 - Melaporkan segala keputusan;
 - Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
 - Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemuliharaan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.
- (c) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalaman, termasuk:
- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
 - Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
 - Menilai prestasi Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalaman melalui perundingan dengan pihak pengurusan;
 - Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
 - Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
 - Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman;
 - Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
 - Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini;
 - Meletakkan Audit Dalaman di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini; dan
 - Menyemak kerjasama yang diberikan oleh para pegawai syarikat-syarikat dalam Kumpulan ini kepada Juruaudit Dalaman.
- (d) Menyemak laporan Audit Dalaman sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.
- (e) Menilai segala penemuan audit dan memastikan tindakan wajar dan segera diambil oleh Pengurusan syarikat-syarikat yang berkenaan kepada kelemahan ketara dalam kawalan atau tatacara yang dikenalpasti.
- (f) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luar.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

- (g) Membincangkan dengan Juruaudit Luar perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.
- (h) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.
- (i) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Dalaman dan Luar dari masa ke semasa.
- (j) Menyemak sebarang urusan dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (k) Menyemak sebarang urusan yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan Kumpulan ini.
- (l) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan 2012, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Audit Dalaman

- (a) Menyemak semula dan meluluskan Pelan Audit Dalaman bagi tahun Kewangan Berakhir 2013 dan memastikan kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber fungsi audit dalaman yang perlu untuk menjalankan tugasnya;
- (b) Menyemak semula laporan, penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta ulasan pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Menyemak semula laporan-laporan audit dalaman untuk memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan bagi menangani kaedah dan pelaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh audit dalaman;
- (d) Memperuntukan penilaian bebas ke atas prestasi Ketua Juruaudit Dalaman;

Audit Luar

- (a) Menyemak semula skop serta perancangan juruaudit luar bagi tahun Kewangan Berakhir 2012;
- (b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perlantikan semula Juruaudit Luar dan yuran audit;
- (c) Menyemak semula keputusan audit oleh Juruaudit Luar dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian; dan

Laporan Kewangan

- (a) Menyemak semula penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan lingkungan yang akan diaudit.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2012 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan di seluruh Kumpulan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) oleh Institut Audit Dalaman (IIA) digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berkuasa bagi kaedah audit dalaman.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) bersama-sama dengan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini sedia maklum tanggungjawab mereka untuk memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut tidak dapat menghapuskan risiko kegagalan dalam usahanya mencapai matlamat perniagaan, sebaliknya ia bertujuan untuk mengenal pasti, mengukur, mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang munasabah. Oleh itu, sistem berkenaan hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah tentang maklumat kewangan atau kerugian yang nyata.

Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang wujud sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Kumpulan ini.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurangkan dan mengawal risiko berkenaan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan. Jawatankuasa Risiko ini dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko Cagamas Berhad yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko

terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini disamping khidmat kepada lain-lain syarikat di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik Basel II.

PENILAIAN BEBAS OLEH JABATAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman memberi keyakinan kepada para Pengarah melalui pengendalian kajian semula bebas ke atas kecukupan, keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan ini. Ia mengamalkan pendekatan berlandaskan risiko yang bersesuaian dengan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan. Keputusan audit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan yang bermesyuarat sebanyak empat kali setahun. Pelan Audit tahunan dan laporan audit turut juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat berkenaan. Apabila sesuatu kelemahan dikenalpasti, Kumpulan ini akan melaksanakan tatabara baru bagi mengukuhkan kawalan. Pada sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telah pun dikenalpasti, namun tiada suatu pun telah mengakibatkan kerugian yang nyata, di luar jangkaan atau ketidakpastian yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Kumpulan ini.

CIRI-CIRI UTAMA LAIN DALAM KAWALAN DALAMAN

Selain daripada yang dinyatakan di atas, ciri-ciri utama lain yang telah diwujudkan bagi memastikan kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- Struktur organisasi yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi;
- Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan, dan kakitangan;
- Mendokumenkan dengan jelas dasar dalaman dan manual tatabara. Kesemua manual berkenaan akan dikaji semula dan dikemaskini dari semasa ke semasa;

Penyata Kawalan Dalaman

CIRI-CIRI UTAMA LAIN DALAM KAWALAN DALAMAN (sambungan)

- Mengemukakan rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan yang terperinci kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Di samping itu, pada setiap bulan, Kumpulan ini juga memantau keputusan sebenar dibandingkan dengan belanjawan untuk sebarang perbezaan yang ketara. Ini membolehkan Kumpulan ini mengambil tindakan susulan dan langkah-langkah pemulihan segera bagi mengurangkan risiko;
- Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusan swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu;
- Pihak Pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pandu IT, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan, Jawatankuasa Pengurusan Kesyukuran Perniagaan sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing;
- Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan;
- Wujudnya garis panduan yang bersesuaian berhubung dengan pengambilan dan penamatan kakitangan, program latihan formal untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan, dan lain-lain prosedur yang berkaitan bagi menghasilkan kakitangan yang cekap dan memperoleh latihan yang secukupnya bagi menjalankan tanggungjawab mereka.

PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan Cagamas melindungi dan menambah nilai bagi para pemegang kepentingan dengan pendekatan berstruktur dan berdisiplin untuk menyelaraskan strategi dengan polisi, proses, pekerja dan teknologi. Kumpulan ini mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam pengurusan risiko bagi kesemua anak syarikat melalui penilai risiko nalar.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM)

Rangka Kerja ERM berurusan dengan risiko dan peluang yang mempengaruhi pembentukan dan pemeliharaan nilai. Untuk menjadi yang paling berkesan, ERM membentuk sebahagian daripada budaya Cagamas dan tertanam ke dalam proses perniagaan dan amalan. Lembaga Pengarah telah meluluskan butiran Rangka Kerja ERM tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah ("BOD"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("BRC"), Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif ("Presiden/CEO"), Ketua Pegawai Risiko ("CRO"), Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif ("MEC"), Jawatankuasa Aset Liabiliti ("ALCO"), Jabatan Pengurusan Risiko ("RMD"), Jabatan Audit Dalaman ("IAD") dan pekerja Cagamas.

Rangka Kerja ERM menjurus ke arah mencapai objektif Cagamas, yang ditetapkan dalam empat kategori:

- Strategik - peringkat tinggi, sejajar dengan dan menyokong misinya
- Operasi - penggunaan sumber yang cekap dan berkesan
- Kewangan - keuntungan dan kemampuan prestasi
- Laporan & Pematuhan - kebolehppercayaan pelaporan dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan

Selaras dengan ERM, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko diamalkan dalam Kumpulan ini. Unit-unit perniagaan yang merupakan barisan pertama pertahanan bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurungi dan mengurus risiko dalam kegiatan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan bahawa kegiatan harian mereka dilaksanakan mengikut polisi, tatacara dan had risiko yang telah ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua dengan menyediakan sumber yang khusus untuk mengurus risiko secara proaktif. Ini termasuk pelaporan pendedahan kepada risiko dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. RMD juga bertanggungjawab memastikan polisi risiko yang bersesuaian dilaksanakan.

Jabatan Audit Dalaman yang menjadi barisan pertahanan ketiga bertanggungjawab untuk menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses bagi pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi risiko.

Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Cagamas. Ia menyediakan pengawasan yang muktamad untuk memastikan bahawa pihak Pengurusan telah menubuhkan sistem pengurusan risiko yang sesuai untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan penerimaan risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan secara keseluruhan serta profil risiko yang diingini oleh Kumpulan ini. Lembaga Pengarah turut menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan bahawa wujud pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan ini. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan yang menangani satu atau lebih daripada risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dipengerusikan oleh Presiden/CEO melaksanakan fungsi pengawasan bagi peruntukan modal dan had risiko keseluruhan, menajarkan mereka untuk set selera risiko oleh Lembaga. Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan bahawa terdapat mencukupi dan berkesan operasi prosedur, kawalan dalaman dan sistem.

RMD adalah bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko. Ia adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko berdasarkan seluruh perusahaan.

Pengurusan Risiko Strategik

Risiko strategik dalam Kumpulan ini ialah risiko tidak mencapai matlamat strategi korporat yang mencerminkan visi Kumpulan ini. Ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman seperti perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan dan faktor luaran seperti keadaan pasaran.

Pengurusan risiko strategik ditangani melalui pembabitan Lembaga Pengarah dalam penetapan matlamat strategik Kumpulan ini. Lembaga Pengarah sentiasa dikemas kini tentang hal-hal yang menjejaskan pelaksanaan strategi korporat dan urus niaga korporat.

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit ialah potensi kerugian kewangan akibat kegagalan seseorang peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Risiko kredit dalam Kumpulan ini timbul dari Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian tanpa Rekursa (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan.

Pengurusan Risiko

Tujuan utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had-had kredit secara proaktif untuk memastikan yang semua pendedahan kepada risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menahan potensi kepada kerugian. Kegiatan pelaburan adalah berpandukan polisi dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Tatacara tertentu untuk mengurus risiko kredit ditentukan pada peringkat perniagaan berdasarkan persekitaran risiko dan tujuan perniagaan.

Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan bertentangan harga dan kadar pasaran. Di dalam Kumpulan ini, risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah memandangkan Kumpulan ini tidak terlibat dalam sebarang kegiatan ekuiti, tukaran wang asing atau perdagangan komoditi. Risiko kecairan timbul sekiranya Kumpulan ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia matang.

Kumpulan ini mengurus risiko pasaran dengan mengenakan had ambang yang dipersetujui oleh pihak pengurusan dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan risiko-ganjaran manakala risiko kecairan diuruskan dengan memastikan yang semua waktu penerimaan tunai sepadan liabilitinya. Kumpulan ini merancang aliran tunai dan memantau secara terperinci setiap urus niaga perniagaan untuk memastikan yang dana yang tersedia adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang terdiri daripada sekuriti hutang yang boleh dipasarkan juga disediakan untuk menghadapi kekurangan aliran tunai diluar jangkaan atau keadaan ekonomi yang bertentangan dalam pasaran kewangan.

Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada peristiwa-peristiwa luaran. Kumpulan ini telah menyediakan dan mengekalkan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang tertakluk kepada kekerapan audit dan kajian semula oleh juruaudit dalaman dan luar. Pelan Kesinambungan Perniagaan telah disediakan untuk meminimumkan kesan akibat sebarang bencana dan mengurangkan masa untuk pemulihan operasi.

Risiko Reputasi

Tanggapan tentang reputasi dan imej Kumpulan ini oleh para pelanggan, pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum adalah penting bagi Kumpulan ini untuk terus berkembang dan maju dalam perniagaan dan operasinya. Oleh itu, risiko reputasi bergantung kepada sifat/model perniagaan, pemilihan pelanggan/rakan niaga dan keutuhan dan keberkesanan proses-proses perniagaan.

Penapisan yang ketat tentang para pelanggan berpotensi dan reka bentuk perniagaan yang selaras dengan piawaian dan pematuhan peraturan kawalan selia yang tinggi diterapkan untuk menjaga reputasi dan imej perniagaan Kumpulan ini. Memandangkan pentingnya memelihara reputasi Kumpulan, usaha telah dibuat ke arah mewujudkan kesedaran tentang peristiwa risiko yang boleh menjejaskan reputasi syarikat sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko bahan.

Pelaksanaan Basel II dan Basel III

Pada tahun 2012, Cagamas terus mengukuhkan proses pengurusan risiko dan kawalan seperti berhubung dengan Basel II dan Basel III termasuk penilaian pulangan risiko untuk membolehkan risiko akan berharga dalam sewajarnya.


Syarikat telah berjaya melaksanakan Teras 1 Basel II Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko untuk pengiraan modal yang lebih sensitif risiko selaras dengan amalan terbaik industri. Bagi risiko kredit, Syarikat mengamalkan Penarafan Dalaman (IRB) bagi portfolio PWOR dan pendekatan yang seragam (SA) untuk portfolio PWR dan pelaburan. Untuk risiko operasi, Syarikat telah mengamalkan Pendekatan Penunjuk Asas (BIA).

Bagi Teras 2 Basel II, Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) Syarikat rapat mengintegrasikan risiko dan proses penilaian modal selaras dengan garis panduan Bank Negara Malaysia ("BNM"). Syarikat sedang menyiapkan blok binaan utama bagi pelaksanaan ICAAP yang memastikan bahawa semua risiko penting yang dihadapi oleh Cagamas dikenalpasti, diukur dan dilaporkan, dan tahap modal yang mencukupi, termasuk penampungan, yang diadakan untuk menyokong permintaan semasa dan unjuran modal di bawah yang sedia ada dan keadaan tertekan konsisten dengan profil risiko. ICAAP dijangka menjadi pemangkin utama bagi meningkatkan lagi pengurusan risiko serta proses pengurusan modal pada masa depan.


BNM telah mengeluarkan kertas yang menyokong Jawatankuasa Basel mengenai langkah Penyeliaan Perbankan, dikenali sebagai Basel III, untuk mengukuhkan modal global dan peraturan kecairan. Garis masa pelaksanaan Basel III memperuntukkan fasa secara beransur-ansur piawaian awal dari 2013 ke 2019. Berdasarkan penilaian dalaman kami dijalankan, kedudukan sedia ada Syarikat mematuhi keperluan Basel III yang lebih berhemat. Ini termasuk tahap modal dan nisbah kecairan liputan ("LCR") dan nisbah pembiayaan yang stabil bersih ("NSFR").

STATISTICAL INFORMATION MAKLUMAT PERANGKAAN

COUNTERPARTIES EXPOSURE BY RATINGS PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN



COMPARISON BETWEEN OUTSTANDING DEBT SECURITIES OF CAGAMAS GROUP DEBTS SECURITIES AND LOANS AND DEBTS HELD PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG BELUM TEBUS UNTUK KUMPULAN CAGAMAS DAN PINJAMAN DAN HUTANG DI DALAM PEGANGAN



- Conventional Loans (Pinjaman Konvensional)
- Conventional Loans Securitized (Pinjaman Konvensional Yang Disekuritikan)
- Islamic Financing Debts (Hutang Pembiayaan Islam)
- Islamic Financing Debts Securitized (Hutang Pembiayaan Islam Yang Disekuritikan)

CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2012
SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2012

Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Conventional / Konvensional			Islamic		
				Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Residential Mortgage-backed Securities	Sukuk Murabahah	Sukuk ALim	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Sukuk Murabahah	Sukuk ALim	Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million / RM juta									
2004									
20.10.2004	10	5.500	20.10.2014	1.80			345		
2005									
08.08.2005	10	4.710	07.08.2015	2.60					515
08.08.2005	12	5.010	08.08.2017	4.61					410
08.08.2005	15	5.270	07.08.2020	7.61					400
12.12.2005	10	5.100	11.12.2015	2.95			320		
12.12.2005	12	5.340	12.12.2017	4.95			345		
12.12.2005	15	5.650	11.12.2020	7.95			385		
12.12.2005	20	5.920	12.12.2025	12.96			265		
2007									
29.05.2007	7	3.780	29.05.2014	1.41					270
29.05.2007	10	3.900	29.05.2017	4.41					400
29.05.2007	12	4.020	29.05.2019	6.41					245
29.05.2007	15	4.170	27.05.2022	9.41					320
29.05.2007	20	4.340	28.05.2027	14.41					290
22.08.2007	7	4.280	22.08.2014	1.64			380		
22.08.2007	10	4.520	22.08.2017	4.64			525		
22.08.2007	12	4.700	22.08.2019	6.64			260		
22.08.2007	15	4.900	22.08.2022	9.65			250		
22.08.2007	20	5.080	20.08.2027	14.64			105		
31.10.2007	7	4.440	31.10.2014	1.83	345				
31.10.2007	10	4.640	31.10.2017	4.84	455				
31.10.2007	12	4.800	31.10.2019	6.84	320				
2008									
08.08.2008	5	5.000	08.08.2013	0.60	70				
08.08.2008	7	5.300	07.08.2015	2.60	60				
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	7.61	65				
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	15.61	90				
08.08.2008	5	5.000	08.08.2013	0.60			215		
08.08.2008	7	5.300	07.08.2015	2.60			215		
08.08.2008	10	5.800	08.08.2018	5.61			155		
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	7.61			235		
08.08.2008	15	6.350	08.08.2023	10.61			305		
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	15.61			370		
10.10.2008	5	4.900	10.10.2013	0.78	75				
10.10.2008	7	5.190	09.10.2015	2.77	185				
10.10.2008	10	5.710	10.10.2018	5.78	140				
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	7.78	105				
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	10.78	140				
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	15.79	340				
10.10.2008	5	4.900	10.10.2013	0.78			20		
10.10.2008	7	5.190	09.10.2015	2.77			30		
10.10.2008	10	5.710	10.10.2018	5.78			40		
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	7.78			25		
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	10.78			30		
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	15.79			35		
2009									
04.03.2009	5	4.000	04.03.2014	1.17			55		
30.03.2009	5	4.660	28.03.2014	1.24	150				
30.03.2009	7	4.860	30.03.2016	3.25	140				
30.03.2009	10	5.270	29.03.2019	6.24	190				
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	8.25	105				
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	11.25	150				
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	16.25	150				
30.03.2009	5	4.660	28.03.2014	1.24			110		
30.03.2009	7	4.860	30.03.2016	3.25			115		
30.03.2009	10	5.270	29.03.2019	6.24			170		
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	8.25			115		
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	11.25			155		
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	16.25			80		
15.04.2009	5	4.550	15.04.2014	1.29	395				
17.07.2009	5	4.620	17.07.2014	1.54	90				
17.07.2009	7	4.930	18.07.2016	3.55	85				
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	6.55	120				
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	8.55	80				
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	11.55	100				

CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2012
SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2012

Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Conventional / Konvensional			Islamic		
				Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Residential Mortgage-backed Securities	Sukuk Murabahah	Sukuk ALIm	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Sukuk Murabahah	Sukuk ALIm	Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million / RM juta									
2009									
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	16.55	50				
17.07.2009	5	4.620	17.07.2014	1.54			65		
17.07.2009	7	4.930	18.07.2016	3.55			65		
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	6.55			90		
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	8.55			60		
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	11.55			70		
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	16.55			55		
03.09.2009	5	4.350	03.09.2014	1.67	100				
03.09.2009	7	4.700	02.09.2016	3.67	85				
03.09.2009	10	5.050	03.09.2019	6.68	115				
03.09.2009	12	5.120	03.09.2021	8.68	65				
03.09.2009	15	5.280	03.09.2024	11.68	90				
09.11.2009	5	4.350	07.11.2014	1.85	415				
26.11.2009	5	4.320	26.11.2014	1.90	75				
26.11.2009	7	4.710	25.11.2016	3.90	70				
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	6.91	95				
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	8.91	60				
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	11.91	85				
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	16.92	45				
26.11.2009	5	4.320	26.11.2014	1.90			60		
26.11.2009	7	4.710	25.11.2016	3.90			60		
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	6.91			85		
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	8.91			60		
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	11.91			80		
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	16.92			45		
23.12.2009	5	4.350	23.12.2014	1.98	500				
2010									
25.02.2010	3	3.800	25.02.2013	0.15			160		
27.04.2010	5	4.350	27.04.2015	2.32			500		
07.05.2010	3	3.650	07.05.2013	0.35			600		
14.05.2010	5	4.300	14.05.2015	2.37			300		
09.08.2010	3	3.410	08.08.2013	0.60			230		
09.08.2010	3	3.410	08.08.2013	0.60	180				
19.08.2010	3	3.480	19.08.2013	0.63				1,000	
03.09.2010	3	3.500	03.09.2013	0.67			5		
03.09.2010	5	3.820	03.09.2015	2.67			10		
03.09.2010	7	4.050	01.09.2017	4.67			5		
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	7.68			10		
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	9.68			5		
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	12.68			5		
03.09.2010	3	3.500	03.09.2013	0.67	10				
03.09.2010	5	3.820	03.09.2015	2.67	10				
03.09.2010	7	4.050	01.09.2017	4.67	10				
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	7.68	15				
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	9.68	10				
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	12.68	5				
20.10.2010	6	3.850	20.10.2016	3.81			500		
20.10.2010	7	3.980	20.10.2017	4.81	1,000				
10.12.2010	3	3.550	10.12.2013	0.94			700		
2011									
24.02.2011	4	4.050	24.02.2015	2.15			400		
07.04.2011	2	3.530	05.04.2013	0.26			5		
07.04.2011	3	3.750	07.04.2014	1.27			5		
07.04.2011	5	4.000	07.04.2016	3.27			10		
07.04.2011	7	4.250	06.04.2018	5.27			5		
07.04.2011	10	4.650	07.04.2021	8.27			5		
07.04.2011	12	4.760	07.04.2023	10.27			5		
07.04.2011	15	4.920	07.04.2026	13.27			10		
11.07.2011	2	3.600	11.07.2013	0.53			135		
11.07.2011	3	3.700	11.07.2014	1.53			620		
19.08.2011	2	3.400	19.08.2013	0.63	35				
11.11.2011	3	3.520	11.11.2014	1.86	100				
11.11.2011	5	3.730	11.11.2016	3.87	825				
20.12.2011	3	3.480	19.12.2014	1.97	5				
20.12.2011	5	3.650	20.12.2016	3.97	10				
20.12.2011	7	3.950	20.12.2018	5.97	10				
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021	8.98	5				

CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2012
SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2012

Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Conventional / Konvensional			Islamic		
				Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Residential Mortgage-backed Securities	Sukuk Murabahah	Sukuk ALim	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Sukuk Murabahah	Sukuk ALim	Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million / RM juta									
2011									
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023		10				
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026		10				
20.12.2011	3	3.480	19.12.2014				5		
20.12.2011	5	3.650	20.12.2016				5		
20.12.2011	7	3.950	20.12.2018				5		
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021				5		
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023				5		
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026				10		
2012									
28.03.2012	1	3.350	29.03.2013				65		
28.03.2012	3	3.500	27.03.2015				355		
28.03.2012	5	3.700	28.03.2017				80		
13.07.2012	1	3.250	15.07.2013				30		
13.07.2012	3	3.400	13.07.2015				50		
13.07.2012	5	3.550	13.07.2017				420		
29.08.2012	1	3.290	30.08.2013		95				
29.08.2012	2	3.300	29.08.2014		55				
29.08.2012	3	3.350	28.08.2015		50				
29.08.2012	4	3.470	29.08.2016		15				
11.09.2012	1	3.300	12.09.2013				95		
11.09.2012	2	3.330	11.09.2014				95		
11.09.2012	3	3.380	11.09.2015				90		
11.09.2012	4	3.500	09.09.2016				85		
11.09.2012	5	3.600	11.09.2017				135		
24.10.2012	1	3.300	25.10.2013		5				
24.10.2012	3	3.450	23.10.2015		5				
24.10.2012	5	3.630	24.10.2017		50				
31.10.2012	3	3.450	30.10.2015		100				
31.10.2012	10	3.910	31.10.2022		450				
31.10.2012	15	4.170	29.10.2027		20				
04.12.2012	3	3.350	04.12.2015		10				
04.12.2012	5	3.500	04.12.2017		5				
04.12.2012	7	3.750	04.12.2019		5				
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022		5				
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024		5				
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027		5				
04.12.2012	3	3.350	04.12.2015				10		
04.12.2012	5	3.500	04.12.2017				15		
04.12.2012	7	3.750	04.12.2019				20		
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022				20		
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024				10		
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027				15		
07.12.2012	1	3.300	09.12.2013				60		
07.12.2012	2	3.400	05.12.2014				40		
07.12.2012	3	3.500	07.12.2015				40		
07.12.2012	4	3.580	07.12.2016				40		
07.12.2012	5	3.660	07.12.2017				70		
21.12.2012	1	3.300	23.12.2013				125		
21.12.2012	3	3.500	21.12.2015				575		
26.12.2012	0,25	3.210	25.03.2013				500		
Total/Jumlah					9,125	3,180	10,575	1,000	2,850
					26,730				

HOLDERS OF CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES
PEMEGANG SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS

	2008		2009		2010		2011		2012	
	RM million	%	RM million	%	RM million	%	RM million	%	RM million	%
	RM juta		RM juta		RM juta		RM juta		RM juta	
Financial Institution										
Institusi Kewangan	12,021	38.72	8,401	28.65	8,276	29.45	8,323	30.19	7,630	28.54
Insurance Companies										
Syarikat Insuran	6,642	21.39	8,336	28.43	8,281	29.47	7,830	28.40	7,256	27.15
Provident and Pension Funds										
Dana Persaraan	7,218	23.25	5,429	18.51	6,468	23.02	7,113	25.80	7,950	29.74
Government Linked Companies										
Syarikat Berkaitan Kerajaan	2,902	9.35	4,680	15.96	2,791	9.93	2,628	9.53	703	2.63
Corporation										
Perbadanan	1,435	4.62	1,655	5.64	1,311	4.66	722	2.62	2,323	8.69
Asset and Trust Funds										
Dana Harta dan Amanah	656	2.11	635	2.17	825	2.94	696	2.52	853	3.19
Non-Resident Investor										
Pelabur Bukan Residen	171	0.55	186	0.63	146	0.52	257	0.93	13	0.05
Individual										
Perseorangan	0	0.00	3	0.01	3	0.01	3	0.01	3	0.01
Total / Jumlah	31,045	100	29,325	100	28,100	100	27,570	100	26,730	100

HOLDERS OF CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES
PEMEGANG SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS

Instruments/Instrumen	% of Total Issuance Outstanding % Jumlah Terbitan Yang Belum Ditebus				
	2008	2009	2010	2011	2012
Malaysian Government Securities					
Sekuriti Kerajaan Malaysia	47.7	49.7	51.0	52.8	51.6
Khazanah Bonds					
Bon Khazanah	1.9	2.1	2.0	1.8	2.1
Other Quasi-Government, e.g., Multilateral Development Financial Institution					
Lain-lain Quasi-Kerajaan, e.g., Institusi Kewangan Pembangunan Multilateral	3.9	4.7	4.7	5.8	7.9
Cagamas Group Debt Securities					
Sekuriti Hutang Kumpulan Cagamas	5.7	4.7	4.2	3.8	3.1
Private Debt Securities					
Hutang Sekuriti Swasta	40.8	38.8	38.1	35.8	35.3
Total / Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Source/Sumber: Bondweb




REINFORCING OUR STRENGTH, TAPPING INFINITE OPPORTUNITIES

Memperkukuhkan Kekuatan Kami, Memanfaatkan Peluang Yang Tanpa Had

Cagamas continues to leverage on its knowledge of conventional and Islamic capital markets to drive innovation in financial markets. As the National Mortgage Corporation, we will consolidate our strengths and tap into infinite opportunities in Malaysia and beyond.

Cagamas terus memanfaatkan pengetahuannya mengenai pasaran modal konvensional dan Islam bagi memacu inovasi dalam pasaran kewangan. Dengan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia, kami akan memantapkan lagi kekuatan kami dan memanfaatkan peluang yang tanpa had di dalam dan luar Malaysia.



SUBSIDIARY COMPANY ANAK SYARIKAT

CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad (Cagamas), the National Mortgage Corporation, was established in 1986 to promote the broader spread of house ownership and growth of the secondary mortgage market in Malaysia. It issues debt securities to finance the purchase of housing loans and other consumer receivables from financial institutions, selected corporations and the Government. The provision of liquidity at a reasonable cost to the primary lenders of housing loans encourages further financing of houses at an affordable cost.

The Cagamas model is well regarded by the World Bank as the most successful secondary mortgage liquidity facility. Cagamas is the largest issuer of AAA debt securities in the market. Since incorporation in 1986, Cagamas has cumulatively issued RM255.5 billion (as at 31 December 2012) of conventional and Sukuk debt securities.

Cagamas' debt securities continue to be assigned the highest ratings of AAA and P1 by RAM Rating Services Berhad and AAA/AAA_{ID} and MARC-1/MARC-1_{ID} by Malaysian Rating Corporation Berhad, denoting its strong credit quality.

CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1986 untuk mempromosikan pemilikan rumah dan memajukan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan sekuriti hutang untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan lain-lain hutang pengguna yang belum terima daripada institusi kewangan, syarikat korporat terpilih dan Kerajaan. Penyediaan kecairan pada kos berpatutan kepada para pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan telah menggalakkan pembiayaan rumah selanjutnya pada kos mampu bayar.

Model Cagamas Berhad sangat dihargai oleh Bank Dunia sebagai kemudahan kecairan gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas Berhad ialah penerbit terbesar sekuriti hutang AAA dipasaran. Semenjak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas Berhad secara terkumpulnya telah menerbitkan sebanyak RM255.5 bilion (setakat 31 Disember 2012) sekuriti hutang konvensional dan Islam.

Sekuriti hutang Cagamas Berhad terus diberi penarafan tertinggi AAA dan P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/AAA_{ID} dan penarafan MARC-1/MARC-1_{ID} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad dan ini menggambarkan kekukuhan kualiti kreditnya.

PROFILE OF THE BOARD OF DIRECTORS PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Dato' Ooi Sang Kuang

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif



Dato' Ooi Sang Kuang, Malaysian, aged 66, was appointed to the Board of Directors on 4 July 2002 as a Non-Executive Director. In October 2002, he was elected as Chairman of the Company. He also chairs the Board of Cagamas Holdings Berhad, the holding company of Cagamas Berhad, the Boards of Cagamas MBS Berhad, Cagamas SRP Berhad and Cagamas MGP Berhad (formerly known as Cagamas HKMC Berhad) subsidiary companies of Cagamas Holdings Berhad.

Dato' Ooi Sang Kuang was a Special Advisor in Bank Negara Malaysia from July 2010 to December 2011. Prior to this, from 2002 to June 2010, he was Deputy Governor of Bank Negara Malaysia and a member of the Board of Directors of Bank Negara Malaysia. As Deputy Governor, he was responsible for the sectors covering Economic and Monetary Assessment, Reserves Management and Monetary Operations, and Finance and Operational Support. He was a member of the Monetary Policy Committee, the Risk Management Committee, the Financial Stability Committee and the Reserve Management Committee. He represented the Management in the Board Audit Committee in the Bank. At the regional level, Dato' Ooi represented the Bank and Malaysia in a number of Asian Regional Taskforces and policy Committees. He co-chaired the high-level Monetary Policy and Financial Stability Committee of EMEAP (Executive Committee of East Asia and Pacific) Central Banks, the Asean +3 (China, Japan and Korea) Finance and Central Bank Deputies Meeting and the High Level Task Force on Asean Financial Integration. Dato' Ooi joined the Economics Department of Bank Negara Malaysia in 1971 and held various senior positions in the Department before leaving in 1984 to join the private sector. He held a number of senior management responsibilities across the financial services sector while in the private sector. He was Chief Executive

Dato' Ooi Sang Kuang, warganegara Malaysia, berusia 66 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Julai 2002 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Dalam bulan Oktober 2002, beliau telah dipilih sebagai Pengerusi bagi Syarikat. Beliau juga mempengerusikan Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad, iaitu syarikat induk bagi Cagamas Berhad dan Lembaga Pengarah Cagamas MBS Berhad, Cagamas SRP Berhad dan Cagamas MGP Berhad (dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad).

Dato' Ooi Sang Kuang ialah mantan Penasihat Khas di Bank Negara Malaysia dari bulan Julai 2010 hingga Disember 2011. Sebelum itu, dari tahun 2002 hingga Jun 2010, beliau merupakan Timbalan Gabenor dan seorang ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia. Sebagai Timbalan Gabenor, beliau pernah bertanggungjawab ke atas sektor-sektor yang merangkumi Penilaian Ekonomi dan Monetari, Pengurusan Rizab dan Operasi Monetari, dan Sokongan Kewangan dan Operasi. Dato' Ooi pernah menganggotai Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab di Bank tersebut. Beliau mewakili pihak Pengurusan dalam Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Pada peringkat serantau, Dato' Ooi mewakili Bank dan Malaysia dalam beberapa kumpulan kerja dan Jawatankuasa polisi serantau Asia. Beliau pernah mempengerusikan bersama mesyuarat peringkat tinggi Jawatankuasa Dasar Monetari dan Kestabilan Kewangan bagi EMEAP (Jawatankuasa Eksekutif bagi Asia Timur dan Pasifik) Bank Pusat, Asean +3 (China, Jepun dan Korea) Finance dan Timbalan Gabenor Bank Pusat, dan sebuah Pasukan Kerja tertinggi bagi Integrasi Kewangan Asean. Dato' Ooi menyertai Jabatan Ekonomi di Bank Negara Malaysia pada tahun 1971 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Jabatan tersebut sebelum meninggalkannya pada tahun 1984 untuk menyertai sektor swasta. Beliau telah memikul tanggungjawab beberapa peranan peringkat pengurusan kanan dalam sektor perkhidmatan kewangan semasa berada dalam sektor swasta. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua

Officer of a finance company in Malaysia (for a number of years, after which he assumed the post of Chief Economist, Asia-Pacific, in the Asian regional office of Standard Chartered Bank, Singapore. In 1994, he was appointed Managing Director of Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapore where he led a team to manage a sizeable number of portfolios covering Asian equities. From January 1996, Dato' Ooi was with the RHB Group covering ASEAN regional equities as Managing Director and Regional Research Director of RHB Research Institute. At the RHB Group, he was also a member of the Board of Directors of Rashid Hussain Berhad, RHB Investment Bank Berhad and Deputy Chairman of Rashid Hussain Asset Management Berhad.

Dato' Ooi is currently the Chairman of the Board of Directors of the Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) and is a Fellow Member of the Institute of Bankers Malaysia. Dato' Ooi also sits on the boards of other public companies including Oversea Chinese Banking Corporation Limited, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, OCBC Al-Amin Bank Berhad, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad and Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad. He is also Chairman of the AMRO Advisory Panel for the ASEAN +3 Macro Research Office (AMRO) in Singapore.

Dato' Ooi received a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and Master of Arts (Development Finance) from Boston University, USA.

Dato' Ooi attended all twelve Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years

Pegawai Eksekutif sebuah syarikat kewangan di Malaysia untuk beberapa tahun sebelum dilantik sebagai Ketua Ahli Ekonomi, Asia Pasifik, di pejabat kawasan Asia bagi Standard Chartered Bank, Singapura. Pada tahun 1994, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan di Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapura, untuk mengetuai satu kumpulan menguruskan sebilangan besar portfolio ekuiti-ekuiti di Asia. Dari Januari 1996, Dato' Ooi pernah berkhidmat dengan Kumpulan RHB untuk mengawal selia ekuiti-ekuiti serantau ASEAN sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Penyelidikan Kawasan bagi Institut Penyelidikan RHB. Dalam Kumpulan RHB, beliau juga pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan Timbalan Pengerusi bagi Rashid Hussain Asset Management Berhad.

Kini, Dato' Ooi ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dan juga Ahli Utama Institut Bank-bank Malaysia. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat awam lain termasuk Oversea Chinese Banking Corporation Limited, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, OCBC Al-Amin Bank Berhad, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad. Beliau juga ialah Pengerusi Panel Penasihat AMRO untuk ASEAN+3 Macro Research Office (AMRO) di Singapura.

Dato' Ooi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Kewangan Pembangunan) dari Universiti Boston, USA.

Dato' Ooi telah menghadiri kesemua dua belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

**Dato' Albert Yeoh Beow Tit**

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, Malaysian, aged 64, was appointed to the Board of Directors on 16 September 2003 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Board Risk Committee and a member of the Board Nomination Committee.

Dato' Yeoh graduated with a Bachelor of Economics (Double Major in Economics and Operations Research) from Monash University, Australia in 1972 before obtaining his Master of Science in Management from University of Salford, Manchester, England in 1975. He was conferred Fellow to the Institute of Bankers Malaysia by the Governor of Bank Negara Malaysia in April 2002.

He was the Director - Corporate Banking Group for Citibank Berhad before joining OCBC Bank (Malaysia) Berhad in March 1996 as the Chief Executive Officer and has held various senior positions within the company. His other directorships in public companies include Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad and Danajamin Nasional Berhad.

Dato' Yeoh attended twelve out of thirteen Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, warganegara Malaysia, berusia 64 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 16 September 2003 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi bagi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah.

Dato' Yeoh ialah lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengkhususan dalam Ekonomi dan Kajian Operasi) dari Monash University, Australia pada tahun 1972 sebelum memperolehi Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan dari University of Salford, Manchester, England pada tahun 1975. Beliau telah dianugerahkan Keahlian Utama Institut Bank-bank Malaysia oleh Gabenor Bank Negara Malaysia pada bulan April 2002.

Beliau pernah menjadi Pengarah - Kumpulan Perbankan Korporat untuk Citibank Berhad sebelum menyertai OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada bulan Mac 1996 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam syarikat tersebut. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad dan Danajamin Nasional Berhad.

Dato' Yeoh telah menghadiri dua belas daripada tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

Tunku Afwida Tunku A. Malek

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif



Tunku Afwida Tunku A. Malek, Malaysian, aged 47, was appointed to the Board of Directors on 4 January 2005 as a Non-Executive Director. She is also a member of the Board Risk Committee.

Tunku Afwida holds an honours degree in Economics and Accounting from the City University, London. Tunku Afwida is a qualified Chartered Accountant of the Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Tunku Afwida is a Director/owner of Benih Semaian Sdn. Bhd. She was the Chief Executive Officer/Executive Director of Kenanga Investment Bank Berhad. She was also once attached to Malaysian International Merchant Bankers Berhad, Commerce Asset Fund Managers Sdn. Bhd. (CAFM), Touche Ross & Co in the United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management in Kuala Lumpur and UOB Asset Management in Singapore. Tunku Afwida is also a director of Universiti Tun Abdul Razak Sdn. Bhd., i-VCAP Management Sdn. Bhd. and Gamuda Berhad.

Tunku Afwida has attended eleven out of thirteen Board meetings held during the year. She has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. She has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Tunku Afwida Tunku A. Malek, warganegara Malaysia, berusia 47 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Tunku Afwida memegang Ijazah Kepujian dalam Ekonomi dan Perakaunan dari City University, London. Tunku Afwida ialah seorang Akauntan Bertauliah berkelayakan dari Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Tunku Afwida ialah Pengarah/pemilik Benih Semaian Sdn. Bhd. Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif bagi Kenanga Investment Bank Berhad. Beliau juga pernah berkhidmat di Malaysian International Merchant Bankers, Commerce Asset Fund Managers Sdn. Bhd. (CAFM), Touche Ross & Co. di United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management di Kuala Lumpur dan UOB Asset Management di Singapura. Tunku Afwida juga ialah Pengarah bagi Universiti Tun Abdul Razak Sdn. Bhd., i-VCAP Management Sdn. Bhd. dan Gamuda Berhad.

Tunku Afwida telah menghadiri sebelas daripada tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

**Mr. Tang Wing Chew**

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif

Mr. Tang Wing Chew, Malaysian, aged 69, was appointed to the Board of Directors on 3 January 2006 as a Non-Executive Director. He is the Chairman of the Board Staff Compensation and Organisation Committee and also a member of the Board Risk Committee.

Mr. Tang graduated with a Bachelor of Arts (Hons) degree from the University of Malaya. He has more than 46 years' experience in the financial services industry. He joined Bank Negara Malaysia (BNM) in 1966 as an Assistant Economist, Economic Research Department. During his 18 years of service with BNM, he also served as Manager (Penang Branch), Principal (BNM Staff Training Centre) and Manager (Operational Planning Division).

Mr. Tang had working experience in two finance companies, where he was the Chief Executive Officer and General Manager (Operations). Mr. Tang had also served as an Executive Adviser and the Chief Executive Officer with an insurance company.

At Board level, Mr. Tang also served as an Independent Non-Executive Director in two general insurance companies and a leasing and credit company.

Mr. Tang was a director of Cagamas Holdings Berhad and a member of the Group Board Audit Committee from year 2008 until August 2011. His other directorships in public companies include Public Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad and Public Islamic Bank Berhad.

Mr. Tang attended all thirteen Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Encik Tang Wing Chew, warganegara Malaysia, berusia 69 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 3 Januari 2006 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Tang ialah lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai lebih daripada 46 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau menyertai Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1966 sebagai Penolong Ahli Ekonomi, Jabatan Penyelidikan Ekonomi. Semasa 18 tahun perkhidmatan beliau di BNM, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus (Cawangan Pulau Pinang), Pengetua (Pusat Latihan Kakitangan BNM) dan Pengurus (Bahagian Perancangan Operasi).

Encik Tang memiliki pengalaman bekerja di dua buah syarikat kewangan, memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar (Operasi). Encik Tang juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat insuran.

Pada peringkat Lembaga Pengarah, Encik Tang pernah juga berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di dua buah syarikat insuran dan sebuah syarikat pemajakan dan kredit.

Encik Tang pernah menjadi Pengarah bagi Cagamas Holdings Berhad dan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan dari tahun 2008 sehingga Ogos 2011. Beliau ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Public Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad.

Encik Tang telah menghadiri kesemua tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

Dr. Roslan bin A. Ghaffar

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif



Dr. Roslan bin A. Ghaffar, Malaysian, aged 61, was appointed to the Board of Directors on 14 April 2009 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Board Staff Compensation and Organisation Committee.

He holds a Bachelor of Science degree from Louisiana State University, Baton Rouge, USA, and obtained his Ph.D. at the University of Kentucky, Lexington, USA. He has over 27 years of experience in the areas of economics, finance and investment.

Dr. Roslan was attached to University Putra Malaysia as a lecturer in 1984 and Associate Professor in 1991. In the 1992-93 academic year, Dr. Roslan was with the University of Kentucky, Lexington as Visiting Professor. On various occasions while at the University Putra Malaysia, he had served as consultant to various international and national organisations which included the World Bank, Asian Development Bank, Winrock International and the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department.

In 1994, Dr. Roslan was appointed as Director of Investment and Economic Research of the Malaysian Employees Provident Fund. He was promoted to the position of Senior Director in 1996 and later held the position of Deputy Chief Executive Officer of the Fund until his retirement in 2007.

He is currently the Chairman of Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. and sits on boards of Straits International Education Group Sdn. Bhd. (formerly known as SIS Charter Sdn. Bhd.) and the board of its subsidiary companies, Pahang Biodiesel Corporation Sdn. Bhd. and Permodalan Felcra Sdn. Bhd. He also sits on the boards of several public companies including SYF Resources Berhad and ING Funds Berhad. He is a member of the Rating Committee of Malaysian Rating Corporation Berhad. He has also served as director of Bumiputra Commerce Holdings Berhad and CIMB Group Berhad and as commissioner of PT Bank Niaga, TBK, Indonesia.

Dr. Roslan attended twelve out of thirteen Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Dr. Roslan bin A. Ghaffar, warganegara Malaysia, berusia 61 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 14 April 2009 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dari Louisiana State University, Baton Rouge, USA, dan memperolehi Ph.D. beliau dari Kentucky University, Lexington, USA. Beliau memiliki lebih daripada 27 tahun pengalaman dalam bidang ekonomi, kewangan dan pelaburan.

Dr. Roslan pernah berkhidmat di Universiti Putra Malaysia sebagai pensyarah pada tahun 1984 dan Profesor Bersekutu pada tahun 1991. Dalam tahun akademik 1992-1993, Dr. Roslan berada di Kentucky University, Lexington sebagai Profesor Pelawat. Semasa berada di Universiti Putra Malaysia, beliau pernah berkhidmat sebagai konsultan kepada pelbagai organisasi nasional dan antarabangsa termasuk Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Winrock International dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 1994, Dr. Roslan telah dilantik sebagai Pengarah bagi Kajian Pelaburan dan Ekonomi bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia (KWSP). Beliau telah diangkat ke jawatan Pengarah Kanan pada tahun 1996 dan kemudiannya memegang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi KWSP sehingga beliau bersara pada tahun 2007.

Kini, beliau ialah Pengerusi Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. dan menjadi ahli Lembaga Pengarah bagi Straits International Education Group Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai SIS Charter Sdn. Bhd.) dan Lembaga Pengarah anak-anak syarikatnya, Pahang Biodiesel Corporation Sdn. Bhd. dan Permodalan Felcra Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat awam termasuk SYF Resources Berhad dan ING Funds Berhad. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Penarafan di Malaysian Rating Corporation Berhad. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah bagi Bumiputra Commerce Holdings Berhad dan CIMB Group Berhad dan sebagai Pesuruhjaya bagi PT Bank Niaga, TBK, Indonesia.

Dr. Roslan telah menghadiri dua belas daripada tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

**Dato' Md Agil bin Mohd Natt**

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' Md Agil bin Mohd Natt, Malaysian, aged 62, was appointed to the Board of Directors on 12 August 2011 as a Non-Executive Director. He is a member of the Board Executive Committee and the Board Staff Compensation and Organisation Committee.

Dato' Agil holds a Bachelor of Science in Economics (Hons) degree from Brunel University, United Kingdom and a Master of Science (Finance) degree from the Cass Business School, London. He also attended the Advance Management Program, Harvard Business School in the United States of America.

He started his career as Corporate Finance Manager with Bumiputra Merchant Bankers Berhad in 1977 before serving as Senior General Manager with Island & Peninsular Berhad. He was also the Chief Representative of Kleinwort Benson Limited before joining the Maybank Group in 1995 where he served as Senior General Manager, Corporate Banking, Chief Executive Officer of Aseambankers Berhad, and Deputy President/Executive Director of Maybank. From 2006 until 2011, he was the President and Chief Executive Officer of The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), The Global University of Islamic Finance established by Bank Negara Malaysia.

In addition to his current Directorship in Cagamas, Dato' Agil is also an independent Non-Executive Chairman of the Board of Manulife Insurance Berhad, an independent Non-Executive Director of Manulife Asset Management Services Berhad (formerly known as Manulife Unit Trusts Berhad), Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Sogo (KL) Sdn. Bhd. and Sogo (KL) Department Store Sdn. Bhd. He also sits on the Board of Trustees of Yayasan Tun Abdul Razak.

Dato' Agil attended twelve out of thirteen Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Dato' Md Agil bin Mohd Natt, Dato' Md Agil bin Mohd Natt, warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Ogos 2011 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Dato' Agil memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (Kepujian) dari Brunel University, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Sains (Kewangan) dari Cass Business School, London. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan dari Harvard Business School di Amerika Syarikat.

Dato' Agil memulakan kerjaya beliau sebagai Pengurus Kewangan Korporat dengan Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau pernah juga menjadi Ketua Perwakilan bagi Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Mayban pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif di Aseambankers Berhad, dan Timbalan Presiden/ Pengarah Eksekutif di Maybank. Dari tahun 2006-2011, beliau ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), The Global University of Islamic Finance yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Selain menjadi Pengarah di Cagamas, Dato' Agil juga ialah Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas bagi Lembaga Pengarah Manulife Insurance Berhad, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas bagi Manulife Asset Management Services Berhad (dahulunya dikenali sebagai Manulife Unit Trusts Berhad), Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Sogo (KL) Sdn. Bhd. dan Sogo (KL) Department Store Sdn. Bhd. Beliau turut menganggotai Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan Tun Abdul Razak.

Dato' Agil menghadiri dua belas daripada tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Profile of the Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah

Mr. Philip Tan Puay Koon

Non-Executive Director

Pengarah Bukan Eksekutif



Mr. Philip Tan Puay Koon, Malaysian, aged 56, was appointed to the Board of Directors on 12 August 2011 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Board Executive Committee.

Mr. Tan holds an Honours Degree in Business Studies majoring in Accounting and Finance from North-East London Polytechnic, United Kingdom.

Mr. Tan has more than 24 years of experience in the field of banking and finance, principally in the areas of treasury and risk management. He was formerly a Managing Director and Chief Financial Officer of Emerging Market Sales and Trading, Asia-Pacific of Citigroup. He was also the Country Treasurer and Financial Markets Head of Citibank Berhad from 1999 to 2001.

Mr. Tan is a director of Danajamin Nasional Berhad, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. and MIDF Amanah Investment Bank Berhad.

Mr. Tan attended twelve out of thirteen ten Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Encik. Philip Tan Puay Koon, warganegara Malaysia, berusia 56 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Ogos 2011 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah.

Encik Tan memegang Ijazah Kepujian dalam Pengajian Perniagaan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari North-East London Polytechnic, United Kingdom.

Beliau memiliki lebih 24 tahun pengalaman dalam lapangan perbankan dan kewangan, terutamanya dalam bidang perbendaharaan dan pengurusan risiko. Beliau ialah mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan bagi Emerging Market Sales and Trading, Asia Pasifik bagi Citigroup. Beliau juga pernah memegang jawatan Country Treasurer dan Ketua, Financial Markets bagi Citibank Berhad dari tahun 1999 hingga 2001.

Encik Tan ialah Pengarah bagi Danajamin Nasional Berhad, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. dan MIDF Amanah Investment Bank Berhad.

Encik Tan menghadiri dua belas daripada tiga belas mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

MANAGEMENT TEAM AHLI PENGURUSAN



MS. SARAH ABDUL AZIZ
Company Secretary
Setiausaha Syarikat

MS. RAFIZA GHAZALI
Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan

MR. CHUNG CHEE LEONG
President/Chief Executive Officer
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

MS. MAZLINA SAIDI
Senior Vice President, Human Capital & Administration
Naib Presiden Kanan, Modal Insan & Pentadbiran

MR. S. SHANMUGANATHAN
Senior Vice President, Operations & Services
Naib Presiden Kanan, Operasi & Perkhidmatan

Management Team

Ahli Pengurusan




MS. AUDREY WONG
Chief Risk Officer
Ketua Pegawai Risiko

ENCIK MUHAMED NOH KADERAN
Vice President / Head, Internal Audit
Naib Presiden / Ketua, Audit Dalaman

MR. AZIZI ALI
Senior Vice President, Islamic Business
Naib Presiden Kanan, Perniagaan Islam


MR. SIMON KEW
Senior Vice President, Core Business,
Treasury and Capital Markets
Naib Presiden Kanan, Perniagaan Teras,
Perbendaharaan dan Pasaran Modal

ORGANISATION CHART CARTA ORGANISASI



Organisation Chart

Carta Organisasi



SUBSIDIARY COMPANIES ANAK-ANAK SYARIKAT

CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad was incorporated on 8 June 2004 for the purpose of undertaking the purchases of mortgage assets and Islamic mortgage assets from the Government and the issuance of residential mortgage-backed securities and Islamic residential mortgage-backed securities to finance the purchases.

CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad telah diperbadankan pada 8 Jun 2004 untuk melaksanakan pembelian aset gadaai janji dan aset gadaai janji Islam daripada Kerajaan dan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadaai janji kediaman dan sekuriti bersandarkan gadaai janji kediaman Islam untuk membiayai pembelian tersebut.

CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad (Cagamas SME) was incorporated on 17 February 2006 to undertake the purchase of small and medium enterprise loans via cash or synthetic securitisations or combination of both and issue bonds to finance the purchases. In addition, Cagamas SME could also be a swap counterparty and issuer of credit linked notes in a synthetic securitisation transaction.

CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad (Cagamas SME) telah diperbadankan pada 17 Februari 2006 dengan tujuan membeli pinjaman perusahaan kecil dan sederhana melalui tunai atau penssekuritan sintetik atau gabungan kedua-duanya dan menerbitkan bon-bon untuk membiayai pembelian tersebut. Selain itu, Cagamas SME juga bertindak sebagai rakan niaga swap dan penerbit nota berkaitan kredit dalam urusan niaga penssekuritan kredit.

BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad was incorporated on 18 January 2006 for the purpose of undertaking the issuances of Islamic investment securities namely Sukuk BNM Ijarah (SBI) and Sukuk BNM Murabahah (SBM) based on Shariah principles. The issuance of SBI is to finance the purchase of the beneficial interest of land and building from Bank Negara Malaysia (BNM) and, thereafter to lease back the same to BNM for the contractual period which is similar to the tenure of the SBI. The issuance of SBM is to enable BNM to carry out commodity trading under the principle of Murabahah.

BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad telah diperbadankan pada 18 Januari 2006 dengan tujuan menerbitkan pelaburan sekuriti secara Islam seperti Sukuk BNM Ijarah (SBI) dan Sukuk BNM Murabahah (SBM) berdasarkan prinsip-prinsip Shariah. Penerbitan SBI adalah untuk membiayai pembelian kepentingan berfaedah atas tanah dan bangunan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan kemudian memajakkan semula kepada BNM untuk jangka masa yang sama dengan tempoh matang SBI berkenaan. Penerbitan SBM adalah untuk membolehkan BNM menjalankan urusan niaga jual beli komoditi berdasarkan prinsip Murabahah.

Subsidiary Companies

Anak-Anak Syarikat

CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad was incorporated on 7 January 2011 to undertake the guarantee of residential mortgages under the Skim Rumah Pertamaku–My First Home Scheme (the Scheme) announced by the Government in the 2011 Malaysia Budget. The provision of the guarantee under the Scheme is in accordance to the Mortgage Guarantee Programme (MGP) currently being offered by Cagamas MGP Berhad (Formerly known as Cagamas HKMC Berhad).

CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad telah diperbadankan pada 7 Januari 2011 dengan tujuan menyediakan jaminan gadai janji kediaman dibawah Skim Rumah Pertamaku – My First Home Scheme (Skim) yang diumumkan oleh Kerajaan pada pembentangan Bajet Malaysia 2011. Penyediaan kaedah jaminan dibawah Skim ini adalah bertepatan dengan Program Jaminan Gadai Janji yang sekarang ini ditawarkan oleh Cagamas MGP Berhad (Dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad).

CAGAMAS MGP BERHAD

(Formerly known as Cagamas HKMC Berhad)

Cagamas MGP Berhad (Formerly known as Cagamas HKMC Berhad) (Cagamas MGP) was incorporated on 14 April 2008 to develop mortgage guarantee business. Effective 20th December 2012, Cagamas MGP is a wholly-owned subsidiary of Cagamas Holdings Berhad complementing the Cagamas Group's other activities and developmental initiatives.

Cagamas MGP's Mortgage Guarantee Programme (MGP) provides financial institutions, particularly mortgage originators, a mortgage guarantee facility for their conventional and Islamic mortgage finance portfolio. The MGP offers a portfolio and risk management solution to these institutions to manage the credit risk exposure of their mortgage portfolio, whilst continuing to maintain asset growth and provide affordable mortgage loans to homebuyers. In addition, the MGP assists in strengthening the banking sector by removing systemic risk from the sector.

CAGAMAS MGP BERHAD

(Dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad)

Cagamas MGP Berhad (Dahulunya dikenali sebagai Cagamas HKMC Berhad) (Cagamas MGP) telah diperbadankan pada 14 April 2008 untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji. Berkuatkuasa 20 Disember 2012, Cagamas MGP ialah syarikat milik penuh Cagamas Holdings Berhad seiring dengan aktiviti lain dan inisiatif pembangunan Kumpulan Syarikat Cagamas.

Program Jaminan Gadai Janji Cagamas MGP (MGP) menyediakan kemudahan jaminan gadai janji kepada institusi-institusi kewangan terutamanya penerbit gadai janji, untuk portfolio kewangan gadai janji konvensional dan Islam. MGP menawarkan penyelesaian portfolio dan pengurusan risiko kepada institusi kewangan berkenaan untuk mengurus pendedahan risiko kredit portfolio gadai janji mereka, disamping mengekalkan pertumbuhan aset dan menyediakan pinjaman gadai janji mampu bayar kepada para pembeli rumah. MGP juga membantu memperkuat sektor perbankan dengan memisahkan risiko sistemik daripada sektor tersebut.